
HARI KHAMIS, 12 MEI, 1994, PUKUL 2.30 PETANG

***1. Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk memperbaiki Lebuhraya Timur-Barat akibat keruntuhan tanah;
- (b) apa sebab utama keruntuhan Jalan Puchong dan jumlah wang dijangka yang akan dibelanjakan untuk memulihkan jalan itu; dan
- (c) jika ada pemaju perumahan yang bertanggungjawab atas keruntuhan itu, apa tindakan hukuman yang akan diambil terhadap mereka.

***2. Datin Hajah Wan Intan Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menaikkan had umur untuk lesen memandu sama ada untuk kereta atau motosikal kepada 21 tahun. Jika ya, bila. Jika tidak, mengapa.

***3. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menswastakan Lembaga Penapis Filem Negara (LPFM) ekoran isu kontroversi Filem “Schindler’s List” yang dikatakan mencerminkan kelemahan dan kelesuan jentera LPFM.

***4. Tuan Haji Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bagaimanakah reaksi dari pihak Universiti Tempatan di atas cadangan pihak Kementerian Pendidikan mengujudkan Program Khas berkongsi pengajar bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar yang agak serious masa kini;
- (b) apakah sebab-musabab angkara ini mula berlaku dan di bidang pengajian apakah yang ketara sekali; dan
- (c) bagi mencapai Wawasan 2020 di segi pendidikan, apakah langkah-langkah positif bagi menangani isu ini.

***5. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan oleh pihak Polis telah dijalankan terhadap dakwaan “Agen Perisikan Sulit Australia” (ASIS) yang mendakwa ahli-ahli politik pembangkang telah diberi sogokan untuk memberi maklumat kepada pihak perisik Australia dengan tujuan untuk menimbulkan keadaan tidak stabil di Malaysia.

***6. Puan Hajah Rahmah binti Salleh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sehingga kini berapa banyakkah kad pengenalan yang dilaporkan hilang; dan
- (b) berapa banyak pula yang telah dikembalikan.

***7. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa banyak kes-kes yang mengakibatkan kematian terhadap kanak-kanak yang berkhatan di Hospital Kerajaan sejak tahun 1991 dan apakah tindakan positif mengelakkan kemalangan yang sangat menyedihkan ini.

***8. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Pengangkutan menyatakan usaha-usaha untuk memperbaiki lapangan-lapangan terbang Senai dan Pulau Tioman supaya dapat menarik pelancong ke Johor dan Pulau Tioman yang indah itu.

***9. Tuan Limun Laikim** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada iklan-iklan dalam media-massa mengenai pusat-pusat pengajian swasta menepati dasar pendidikan negara dan jika tidak adakah tindakan telah dan sedang diambil untuk mengelakkan banyak lagi rakyat negara ini ditipu oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

***10. Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan meminta bantuan negara-negara Eropah untuk menamatkan peperangan di bekas negara Yugoslavia itu yang merugikan bukan sahaja harta benda, bahkan nyawa rakyat yang tidak berdosa.

***11. Dato William Chek Lin Kwai** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) memandangkan baru-baru ini terdapat banyak kes-kes aduan orang ramai terhadap doktor dan hospital Kerajaan, apakah tindakan Kerajaan terhadap pihak yang bersalah. Setakat hari ini, apakah jumlah kes aduan yang telah dibuat terhadap doktor dan hospital Kerajaan atas sebab kelalaian;
- (b) apakah pula hasil penyiasaan kes Hospital Daerah Tanjung Malim di mana seorang pesakit yang dibawa masuk ke wad kecemasan hospital tersebut telah meninggal dunia akibat tiada doktor merawatnya; dan
- (c) memandangkan negara sedang mengalami kekurangan doktor, adakah itu menjadi alasan ataupun sebab, pesakit-pesakit yang datang ke hospital Kerajaan tidak mendapat layanan dan rawatan yang memuaskan. Apakah komen Kementerian dalam hal ini.

***12. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberi kemudahan kepada pencarum-pencarum mengeluarkan sebahagian daripada simpanannya untuk melabur ke ASN/ASB dan lain-lain.

***13. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan tentang penggunaan Parabola untuk tujuan mendapat maklumat yang lengkap dan terkini, tetapi kesan negatif daripada sistem tersebut seperti siaran hiburan tanpa tapisan dan lain-lain perlu diambil perhatian.

***14. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauhmanakah kad potongan harga 'diskaun kad' membantu pengguna dalam pembelian barangan. Tidakkah Kementerian berpendapat 'diskaun kad' ini akan menimbulkan masalah inflasi kerana harga sebenar barangan akan dinaikkan tanpa pengetahuan pengguna dan bagaimanakah untuk mengelakkan pengguna ditipu dengan 'diskaun kad' ini.

***15. Puan Kelsom binti Yaacub** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pendidikan menyedari tentang kekurangan pensyarah-pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

***16. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Penyiaran 1988 bagi membolehkan siaran rangkaian Vision Four disiarkan di hotel-hotel. Sekiranya Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta tersebut apakah nasihat dan cadangan Kerajaan kepada pengusaha-pengusaha hotel mengenai pengharaman tersebut.

***17. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah Menteri sedar bahawa terdapat Syarikat ataupun kilang yang masih tidak menyedari hak-hak pekerja seperti dalam memberikan cuti dan kerja lebih masa, terdapat tidak keseragaman dalam memberikan cuti rehat tahunan seperti ada Syarikat memberi 8 hari, 10 hari, 12 hari dan seterusnya mengikut selera sendiri dan bukan garis panduan Kementerian. Jika sedar apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja ini tidak di 'exploit' oleh majikan agar semua pekerja dapat menikmati peluang dan insentif yang sama seluruh Malaysia.

***18. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah peranan penuntut-penuntut Universiti selain berusaha mencapai ijazah dalam bidang-bidang pilihan masing-masing. Adakah Kerajaan bercadang mewujudkan usaha penyelidikan oleh penuntut-penuntut ini mengenai hal-hal yang ada kepentingan masyarakat bagi membangunkan masyarakat sebagai aktiviti penuntut sebagai usaha ke arah pembangunan masyarakat.

***19. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah seorang doktor pakar mata akan ditempatkan di Negeri Perlis dan apakah selama ini Negeri Perlis amat kurang bilangan pesakit mata maka penempatan doktor pesakit mata tidak diwujudkan di Negeri Perlis.

***20. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah suatu penguatkuasaan dikenakan bagi motosikal untuk menggunakan cermin sisi.

***21. Dato' K. Vijayanathan** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri memandangkan kepada fakta bahawa serentak dengan perjanjian yang ditandatangani di Marrakesh bahawa terdapat juga pembentukan Organisasi Perdagangan Dunia (World Trade Organisation), tidakkah Menteri berasa bahawa memandangkan kepada kesan menyeluruh (Global Impact) Organisasi Perdagangan Dunia (W.T.O.) untuk menggalakkan penarikan balik halangan-halangan perdagangan, subsidi-subsidi dan perlindungan, kemungkinan tidak lagi perlu diadakan Blok Perdagangan Serantau seperti EAEC (East Asian Economic Caucus).

***22. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa hektar hutan bakau yang sedia ada dalam tanah air kita dan hasilnya dalam tahun 1992 dan 1993. Adakah kayu bakau dari hutan-hutan itu mencukupi kegunaan dapur arang dan sebagainya. Sila beri alasan.

***23. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Pengangkutan menyatakan tentang:

- (a) berapakah keuntungan KTM selepas cukai bagi tempoh tahun 1992 dan 1993;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh KTM untuk meningkatkan lagi pendapatannya di masa depan; dan
- (c) adakah laluan berkembar KTM Rawang-KL-Seremban akan mendatangkan keuntungan.

***24. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah YB. sedar bahawa masih ramai “pendatang tanpa izin” telah menceburi dalam bidang perniagaan. Jika sedar, apakah tindakan-tindakan yang sedang dan telah diambil bagi membenteras gejala ini dan berapa ramai mereka ini telah ditangkap kerana berniaga sejak operasi Nyah 1 dan 11.

***25. Dato’ Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan rancangan tanah khas kepada bekas-bekas perajurit seperti yang dibuat oleh Allahyarham Tun Abdul Razak kepada Rancangan FELDA Sungai Koyan 3 yang dihuni oleh 100% bekas perajurit.

***26. Dato Soong Siew Hoong** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerianya sedar bahawa kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur makin lama makin buruk. Jika sedar, apakah sebab-sebab yang menyebabkannya dan apakah langkah-langkah, selain daripada berkongsi kereta, yang diambil untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas ini.

***27. Tuan Shahiruddin Abdul Moin** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan pembahagian saham-saham terbitan awal ke syarikat-syarikat Bumiputera.

***28. Tuan Shahiruddin Abdul Moin** minta Menteri Penerangan menyatakan garis panduan lesen parabola dan bagaimanakah caranya untuk mengawalinya.

***29. Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

(a) berapakah perbelanjaan pengubahsuaian yang telah dilakukan terhadap Istana Negara semasa Yang di-Pertuan Agong yang kelapan dan kesembilan; dan

(b) apakah menjadi dasar Kerajaan membenarkan pengubahsuaian besar dibuat setiap kali negara mendapat Yang di-Pertuan Agong baru.

***30. Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad:** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah yang menjadi halangan kepada Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk tidak memperluaskan jurusan Kelas Agama Islam (KAI) ke negeri Sarawak.

***31. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa beberapa filem Tamil yang ditayangkan di pawagam sejak kebelakangan ini mempunyai adegan-adegan seks dan keganasan yang tidak sesuai, khususnya bagi golongan remaja. Adakah keadaan ini disebabkan kerana ujudnya sifat tidak apa di kalangan pegawai penapis ataupun kerana kekurangan anggota dalam lembaga tersebut.

***32. Tuan Dol bin Dollah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan seruan beliau menggesa pemaju-pemaju mengemukakan laporan terperinci mengenai kemajuan pembinaan mereka kepada Kementerian. Setakat ini berapa orang pemaju telah berbuat demikian bagi menyemaikan kepercayaan orang awam dan di antara pemaju dan pembeli.

***33. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bahawa menurut Laporan banci Penduduk 1990 terdapat 43.000 orang kanak-kanak berumur di antara 10 hingga 14 tahun diambil bekerja dan setakat ini masih belum ada bilangan terkini mengenai jumlah mereka yang bekerja. Apakah beliau sedar bahawa buruh kanak-kanak ini sentiasa dieksploitasi oleh majikan, jika ya, apakah perlindungan yang ada untuk kanak-kanak ini.

***34. Tuan Johan B.O.T. Ghani** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah pendatang tanpa izin dari Negara Filipina yang datang ke Negeri Sabah. Dan jika benar terdapat ramai pendatang, apakah tindakan Kementerian tersebut.

***35. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) adakah skim Perkeso memberi perlindungan 24 jam bagi anggota-anggotanya;
- (b) jika seorang pemegang caruman Perkeso mengalami kemalangan selepas waktu tugasnya adakah ia akan dibayar wang pampasan oleh Perkeso; dan
- (c) jika seorang suami meninggal dunia sebelum ia berumur 55 tahun, isteri beliau akan menerima pencen dari pihak Perkeso. Adakah begitu bagi seorang suami apabila isteri beliau meninggal dunia. Jika tidak, apakah sebabnya.

***36. Puan Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang lebih berkesan yang perlu diambil demi menentukan para pengguna jalanraya sedar betapa mustahaknya sikap tolenrasi dan disiplin yang tinggi sewaktu memandu. Mungkin cara yang tersedia ada dewasa ini tidak berkesan dalam menentukan jumlah kemalangan jalan raya.

***37. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) mengkaji kembali penggunaan jejantas untuk kegunaan awam memandangkan orang ramai lebih gemar menggunakan lampu isyarat daripada jejantas;
- (b) membina jejantas di kawasan yang jauh dari lampu isyarat yang merupakan tempat orang awam melintas. Jejantas tersebut hendaklah ringkas dan mudah untuk kegunaan orang awam; dan
- (c) memperbanyakkan garisan kuning atau 'bumper' di kawasan-kawasan yang kurang sesak untuk kemudahan melintas untuk pejalan-pejalan kaki.

***38. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sudahkah Kerajaan melaksanakan Akta Timbalbalas dan Akta Antilambakan 1993 untuk melindungi industri Malaysia daripada persaingan tidak sihat akibat import yang mengandungi unsur lambakan atau subsidi.

***39. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa RTM menguatkan bunyi suara siaran iklan di TV 1 dan TV 2 dan ini kerap kali mengganggu pendengaran kerana terpaksa memperlahankan suara TV mereka, jika sedar apakah tujuan berbuat demikian.

- *40. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) daripada 18 orang artis yang ditegah keluar negara kerana gagal menjelaskan cukai pendapatan berapa ramaikah daripada bilangan itu yang menjalankan bayaran setelah tindakan diambil;
 - (b) sebelum tindakan Kerajaan ke atas artis yang dikatakan mempunyai pendapatan yang perlu dikenakan cukai pendapatan apakah Kerajaan telah mendapat perisytiharan harta kepada artis-artis itu; dan
 - (c) jika sekiranya Kerajaan mempunyai maklumat pemilikan harta kepada artis-artis itu bolehkah Kerajaan isytiharkan banyak harta dimiliki bagi setiap orang artis itu.
- *41. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:
- (a) jumlah modal terlabur di setiap negeri dalam tanah air kita oleh pelabur asing pada tahun 1992 dan 1993; dan
 - (b) sebab-sebab negeri yang kurang dapat pelaburan asing.
- *42. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada semua jenis bayaran kepada anggota MALBATT yang bertugas di Kambojia sudah selesai dibayar. Kalau sudah berapa jumlahnya dan kalau belum mengapa.
- *43. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Ahli Dewan Negara tidak diberi sebarang peruntukan kewangan tahunan sama seperti yang diberi kepada Ahli Dewan Negeri dan Rakyat untuk membolehkan mereka membiayai projek-projek pembangunan yang kecil dan sederhana.
- *44. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) apakah prosedur atau pertimbangan diberi kepada mereka yang menyerah kerakyatan mereka kerana mengikut anak-anak di luar negeri kini ingin pulang dan menetap di Malaysia; dan
 - (b) apakah tindakan pihak Kementerian terhadap kedudukan anak-anak pendatang tanpa izin yang ibunya adalah kerakyatan Malaysia.
- *45. Puan Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah purata kenderaan (motosikal, lori, bas dan kereta) yang mengeluarkan asap yang berlebihan yang telah ditahan oleh kakitangan penguatkuasaan JPJ setakat ini. Nyatakan jumlah kutipan denda yang telah dipungut dari gerakan tersebut.
- *46. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah dan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian terhadap pemandu dan syarikat bas ekspres yang tidak mengikut laluan yang ditetapkan hingga penumpang menghadapi masalah untuk sampai ke destinasi masing-masing.

***47. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Perdana Menteri menyatakan rancangan-rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk membasmi kemiskinan di Sabah yang mana kadar kemiskinan negeri itu adalah yang tertinggi di Malaysia.

***48. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha diplomatik yang dijalankan oleh Malaysia supaya tidak wujud peperangan di antara Korea Utara dan Amerika Syarikat kerana usaha Korea Utara untuk membuat bomb Nuklear sedangkan Amerika Syarikat tidak berbuat apa-apa terhadap Israel yang juga berusaha untuk membuat bomb Nuklear.

***49. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi membantu supaya tidak terdapat lagi pembantu rumah tanpa izin yang diseludup ke Negara ini dan apakah langkah Kerajaan untuk membenteras agen-agen haram pembantu rumah terus berfungsi, walaupun Kerajaan telah mengatasi masalah ini, tetapi masih banyak pendatang tanpa izin yang datang ke Negara ini.

***50. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap beberapa syarikat kilang di Lembah Kelang yang mencatatkan nama palsu pada tong dan bungkusan yang mempunyai sisa toksid. Berapa banyakkah syarikat berkenaan. Selain daripada tindakan mahkamah adakah Kementerian akan mengambil lain tindakan ke atas mereka.